



Al-Syed Ali Redha Alsagoff sedang memberi ucapan dalam majlis menyampaikan derma biasiswa Kerajaan Republik Arab Bersatu kepada dua orang penuntut yang melanjutkan pelajaran mereka ke Universiti al-Azhar yang telah diadakan di Madrasah al-Junied al-Islamiah, Singapura baru-baru ini.

---

### **Bahasa Melayu, Bahasa Rasmi Yang Tunggal**

#### **Pada tahun 1967**

Yang teramat Mulia Tengku Abdul Rahman Putra baru-baru ini telah menyatakan bahawa tidak dapat seratus peratus, sembilan puluh peratus pun Bahasa Melayu mesti menjadi bahasa kebangsaan.

Pengakuan Tengku yang seperti ini adalah suatu pengakuan yang ada memberi timbang rasa kepada orang-orang yang bukan Melayu dengan menimbangkan bahawa mungkin masih ada kesulitan-kesulitan yang dihadapi mereka tetapi sungguhpun begitu adalah disyukuri bahawa Tengku telah tegas mengikut perlembagaan bahawa Bahasa Melayu menjadi bahasa kebangsaan pada tahun 1967.

Tidak dapat dinafikan bahawa seluruh umat Melayu telah berazam kuat untuk menjadikan Bahasa Melayu itu bahasa kebangsaan yang tunggal terbukti dengan langkah-langkah yang diambil oleh kerajaan negeri Kelantan dan

Perlis yang telah mengisytiharkan terlebih dulu bahawa mereka, sebagai langkah yang pertama untuk menjadikan Bahasa Melayu, bahasa kebangsaan pada tahun 1967.

Langkah yang berani ini adalah disambut dengan gembira oleh umat Melayu dan mereka memandang bahawa yang demikian ini patut dibuat oleh lain-lain negeri supaya lebih berjaya dan lebih berkesan untuk menuju matlamat tahun 1967 itu.

Kita katakan berani kerana yang demikian ini tentunya adalah bersalahan dengan perlembagaan iaitu tiap-tiap sebuah negeri tidak boleh menolak semua sekali bahasa lain, bahasa Inggeris umpamanya daripada digunakan, sehingga tahun 1967 itu. Tetapi walaupun begitu, ini suatu galakan yang besar untuk mendesak orang-orang yang mencuaikan Bahasa Melayu untuk digunakan di negeri ini sebagai bahasa kebangsaan supaya menyesuaikan diri kepada keadaan yang sayak-sayaknya di dalam pelaksanaan menggunakan bahasa itu.